



ANUGERAH-ANUGERAH JULANGAN BAKAT UMT KATEGORI:
ANUGERAH KELAB STAF TERBAIK UMT

Disediakan oleh :-
Pejabat Pendaftaran
Universiti Malaysia Terengganu

(Minit JKSM UMT Kali Ke-13 (Bilangan 1 Tahun 2021) – 25 Januari 2021)



GARIS PANDUAN
ANUGERAH KELAB STAF TERBAIK UMT
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SYARAT DAN KRITERIA

TUJUAN

- i. Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada kelab staf yang berdaftar di UMT yang telah memberikan sumbangan kebajikan dan pembangunan sosial kepada perkembangan Universiti.

SYARAT PENCALONAN

- i. Terbuka kepada semua kelab staf yang berdaftar dengan UMT.
- ii. Bebas dari sebarang tindakan undang-undang.
- iii. Mengemukakan laporan tahunan persatuan setiap tahun kepada pihak berwajib dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir.

TATACARA PERMOHONAN DAN PENILAIAN ANUGERAH

- i. Pencalonan boleh dibuat oleh Kelab Staf yang berdaftar dengan UMT.
- ii. Permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang rasmi yang diperoleh melalui portal MyNemo. Semua permohonan/pencalonan perlu lengkap dan disertakan maklumat dan bukti-bukti yang disahkan.
- iii. Setiap pencalonan mesti disokong dan diperakukan oleh Presiden Kelab.
- iv. Permohonan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa penilaian yang dilantik oleh Naib Canselor dan seterusnya diperakukan di Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM).
- v. Pemenang akan diluluskan oleh JKSM dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

KRITERIA ASAS

- i. Bilangan aktiviti kelab yang dianjurkan/disertai.
- ii. Kelab yang mendapat kemenangan/pengiktirafan di peringkat Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa.
- iii. Tadbir urus kelab mengikut perlembagaan.

KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah berdasarkan tiga (3) kriteria yang dicapai dalam tempoh penilaian sepertimana berikut:-

Bil	Kriteria	Jumlah Markah
1.	Bilangan aktiviti kelab yang dianjurkan/disertai i. 1-10 (10 Markah) ii. 11-20 (20 Markah) iii. 21 dan ke atas (30 Markah)	30
2.	Kelab yang mendapat kemenangan atau pengiktirafan di Peringkat Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa; i. Negeri (10 Markah) ii. Kebangsaan (20 Markah) iii. Antarabangsa (40 Markah)	40
3.	Tadbir urus kelab mengikut perlembagaan - Mematuhi peraturan dan keperluan pihak berwajib	30
	Jumlah Markah Keseluruhan	100

ASAS PERTIMBANGAN

Bagi menentukan penerima anugerah yang layak dipertimbangkan adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- i. Memenuhi semua syarat-syarat pencalonan.
- ii. Pencalonan perlu mencapai markah minimum penilaian anugerah iaitu 80%.
- iii. Jika tiada calon yang mencapai markah minimum, Jawatankuasa Panel Penilai boleh memperakukan mana-mana calon yang menunjukkan sumbangan signifikan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa untuk dipertimbangkan Anugerah Khas.

NILAI HADIAH

- i. Sijil Penghargaan
- ii. Trofi

